

# **YKN perlu kerjasama pelbagai pihak laksanakan kebajikan**

UB 19.9.18 A5

**KOTA KINABALU:** Syarikat korporat, badan swasta, institusi kewangan dan institusi pengajian tinggi di negara ini digesa menjalin kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu pesakit yang memerlukan rawatan dialisis.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata kerjasama pintar dengan pelbagai pihak amat penting demi kebajikan dan kelangsungan hidup kumpulan sasaran yang memerlukan rawatan berkenaan.

“Bagi penubuhan dan pengoperasian YKN Dialysis ini, pihak YKN mendapat sokongan dan kerjasama pelbagai pihak termasuk syarikat korporat dan badan swasta serta institusi pengajian tinggi sama ada melalui sumbangan mesin dialisis, barang keperluan dan ubat-ubatan atau penajaan pesakit,” katanya ketika berucap bersempena lawatan ke Pusat Dialisis Universiti Malaysia Sabah (UMS)-YKN Sabah di sini, pada Isnin.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sabah Christina Liew dan Naib Canselor UMS Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Dr Wan Azizah yang juga penggerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN berkata sehingga kini YKN telah menubuhkan enam pusat dialisis di seluruh negara iaitu, YKN Dialysis Lembah Pantai, Kuala Lumpur, YKN Dialysis Rompin, Pahang, YKN Dialysis Kota Bharu, Kelantan, YKN Dialysis Kuala Terengganu, Terengganu dan Pusat Dialisis UMS-YKN.

Beliau berkata pemilihan lokasi pewujudan pusat dialisis adalah berdasarkan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan dialisis.